
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2008/2009

April/Mei 2009

YKT I02 – Pengantar Komunikasi Massa

Masa: 3 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Soalan **SATU (1)** adalah wajib.

Setiap soalan bernilai 100 markah.

1. Jelaskan 5 daripada perkara-perkara berikut:
 - (a) Model 'elitist-populist'
 - (b) Globalisasi media massa
 - (c) Industri rakaman
 - (d) Konglomerasi
 - (e) Penetapan agenda
 - (f) Pengampang
 - (g) Ekonomi media

2. Jelaskan Model Westley MacLean dan Model Shannon Weaver. Dengan mengemukakan hujah-hujah yang relevan, kritik kedua-dua model ini.

3. Anda adalah seorang pegawai perhubungan awam di sebuah *hypermarket* terkemuka di Malaysia. *Hypermarket* anda dikunjungi ramai pelanggan Islam. Pada tiga bulan kebelakangan ini pelanggan anda mula berkurangan kerana mereka mendengar khabar bahawa daging yang dijual di *hypermarket* anda tidak halal. Dengan menggunakan strategi perhubungan awam bagaimanakah anda mengembalikan kepercayaan pelanggan kepada *hypermarket* anda?

4. Bincangkan secara perbandingan mengapakah pengiklan memilih untuk mengiklan dalam sesuatu media dan tidak memilih media yang lain? Dalam perbincangan itu, kemukakan contoh-contoh yang sesuai.

5. "...rakyat seharusnya melihat ISA sebagai satu undang-undang yang cukup zalim yang merobek kemuliaan insan...", kata Hanipa Maiden (www.harakahdaily.net, 2006). Kritik pandangan ini dengan bukti-bukti yang kukuh. Dalam kritikan anda kaitkan dengan industri media di Malaysia.

6. Dengan merujuk kepada satu industri media elektronik yang khusus, bincangkan isu-isu dan masalah yang dihadapi oleh industri tersebut.